



JOSEPH KURUP

RM880j projek tebatan banjir tahun ini

KUALA LUMPUR 26 Mac - Kerajaan memperuntukkan RM880 juta untuk menjayakan projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah itu di seluruh negara tahun ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup berkata, sebanyak 32 projek mega tebatan banjir telah dijalankan dan dijangka siap selewat-lewatnya enam bulan lagi.

“Masalah banjir merupakan antara

bencana alam yang sering menghantui penduduk negara ini, antara langkah kerajaan untuk menanganinya adalah dengan pembinaan projek tebatan banjir.

“Projek ini dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan membina benteng kawalan banjir, pembersihan sungai, pembinaan kolam tadahan, mendalam serta

melebarkan sungai dan kerja-kerja infrastruktur berkaitan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Sumber Air Asia (Aware 2012) di sini hari ini.

Beliau berkata, pihaknya mengenal pasti enam lokasi peta bahaya banjir iaitu Sungai Muar, Sungai Kulai, Sungai Kinta, Sungai Selangor, Sungai Muda dan Sungai Kedah manakala bagi Sungai Pahang, ia masih dalam pe-

ringkat kajian.

Sementara itu, Persidangan Aware 2012 bertemakan *Bencana Air Yang Menyeberangi Sempadan: Pengajaran Daripadanya* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang berakhir 28 Mac ini dijangka menarik lebih 700 peserta dari 40 negara termasuk Singapura, Taiwan, China, Amerika Syarikat, Australia, Eropah, Korea, India dan Denmark.